

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN
TUANKU JAAFAR [SANTUBONG]**

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 8

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah sekolah menengah dan rendah bakal dicantum di Sarawak, apa persediaan awal di buat supaya pelajar tidak terperangkap oleh situasi nanti, dan bila percantuman ini akan selesai? Selain dari surat pekeliling kepada sekolah-sekolah, adakah perbincangan-perbincangan dibuat dengan masyarakat setempat berhubung perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam meningkat taraf pendidikan negara ke arah yang lebih cemerlang, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat untuk menggabungkan sekolah kurang murid (SKM) seperti yang digariskan dalam Inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 kepada semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Walau bagaimanapun, KPM akan bekerjasama dengan ibu bapa dan pihak berkepentingan setempat bagi menentukan masa depan sekolah dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk semua murid bagi memastikan kualiti pendidikan anak mereka diberi keutamaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini KPM melalui Jabatan Pendidikan Sarawak dengan kerjasama Kerajaan negeri sedang dalam proses melaksanakan libat urus bersama-sama ibu bapa dan komuniti setempat bagi mendapatkan persetujuan sebelum sebarang proses penggabungan sekolah dilaksanakan. Sehingga kini, KPM tiada cadangan untuk menggabungkan sekolah menengah yang berstatus sekolah kurang murid. Manakala bagi sekolah rendah pula, KPM tidak menetapkan bilangan sebenar sekolah rendah yang perlu digabungkan kerana pertimbangan penggabungan sekolah ditangani secara kes demi kes dan tertakluk kepada kriteria seperti yang berikut:

1. Enrolmen yang sangat rendah dan tidak optimum dari segi pengurusan sekolah;
2. Keadaan fizikal atau persekitaran sekolah yang tidak selamat atau kondusif;
3. Terdapat sekolah yang sama aliran dalam jarak yang boleh diakses;
4. Kesediaan murid dan juga ibu bapa; dan
5. Persetujuan komuniti setempat.

Sekian, terima kasih.

RJM 81